



**JABATAN PERTANIAN  
KOTA KINABALU**

**KENYATAAN TENDER (TERBUKA)  
NO. TENDER: JPTN 01/2026**

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lesen KDN** dan **PUKONSA** dengan Bidang **Kepala** dan **Sub-Kepala 220302** yang masih sah untuk perkhidmatan berikut:

**"PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BAGI BANGUNAN-BANGUNAN DAN HARTA-HARTA AWAM JABATAN PERTANIAN SABAH BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN 2026 HINGGA 2027 "**

2. Dokumen tender akan dijual dengan harga **RM50.00 senaskah** mulai tarikh **20 Januari 2026 hingga 10 Februari 2026** pada waktu pejabat **8.00 pagi hingga 12.30 tengahari ( Isnin – Khamis ) 8.00 pagi hingga 10.30 pagi ( Jumaat )** di **Ibu Pejabat Pertanian, Aras 6, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Tasik (Off Jalan Maktab Gaya), 88632 KOTA KINABALU.**
3. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Surat Kuasa, Sijil Pendaftaran **ASAL** Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).
4. Sila sertakan Bersama salinan sijil-sijil diperenggan (3) dan surat kuasa bagi wakil syarikat hendaklah dibawa semasa pembelian borang tender.
5. Dokumen tender yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan **Tajuk Tender** dan **Nombor Tender** dan dialamatkan kepada:

Setiausaha Tetap  
Lembaga Tawaran Negeri  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Block C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 Kota Kinabalu.**

6. Dokumen tender hendaklah dihantar melalui pos atau dimasukkan terus ke dalam peti tender beralamat di Setiausaha Tetap, Lembaga Tawaran Negeri, Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Block C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat, **88400 Kota Kinabalu**, sebelum **Jam 10.00 pagi** pada **16 Febuari 2026 (Isnin).**
7. Dokumen tender yang lewat diterima pada waktu ditetapkan di atas akan ditolak.
8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**PENGARAH PERTANIAN  
KOTA KINABALU**